



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!

Search Newspapers

Browse Newspapers

"sungai ramal"



Advanced Search

Home > Search Results > Berita Harian > 20 March 1969 > Page 8 > Penduduk Sungai Ramal Dalam mahu kebenaran masokkan paip

Penduduk Sungai Ramal Dalam mahu kebenaran masokkan paip

Berita Harian, 20 March 1969, Page 8

Article also available on [Microfilm Reel NL5868](#)

Scroll to Top

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

Penduduk Sungai Ramal Dalam mahu kebenaran masokkan paip

MIMBAR

M. SHAM,

Sg. Ramal Dalam, Kajang, Selangor.

KEMENTERIAN Pembangunan Luar Bandar menerusi Lembaga Kemajuan Luar Bandar Daerah Ulu Langat telah membekalkan ayer paip ka-Kampung Sungai Ramal Dalam mulai tahun 1966 sa-telah penduduk2 kampung tersebut memohon melalui wakil ra'ayat kawasan Sepang. Raja Nong Chik bin Ishak.

Penduduk kampung Sungai Ramal yang berjumlah tujuh ribu orang itu merasa shukor kerana kerajaan bermurah hati membekalkan ayer tersebut.

Information



Newspaper: Berita Harian
Date: 20 March 1969
Reel Number: NL5868

Share

Table of Contents

< Previous Page 8 Next >

SISWAZAH2 MALAYSIA BANTU SUSUN KAMUS INGGERIS —MELAYU


SISWAZAH2 MALAYSIA BANTU SUSUN KAMUS INGGERIS —MELAYU orang anaK Malaysia dan empat

Krisis Perlembagaan ta'kan berlaku...

Krisis Perlembagaan ta'kan berlaku... BANYAK RA'AYAT KELIRU DENGAN KONSEP KABINET DAN


Penjelasan Kementerian Buroh tentang kerja

[View Full Table of Contents](#)




Sa-belum ada ayer paip itu penduduk2 kampung hanya menggunakan sa-batang anak sungai untok mengambil ayer bagi segala kegunaan.

Sayang-nya kerajaan hanya mendirikan beberapa batang sahaja paip untok penduduk yang bagitu ramai. Sa-tiap petang kita melihat orang ramai berkerumun di-paip2 ini untok mengambil ayer atau mandi.




Ini mengingatkan saya kapada pemerentahan Jepun di-mana orang ramai berator mengambil chatuan. Kadang2 sampai pukul tujuh malam paip2 itu belum juga lagi dapat di-gunakan oleh orang lelaki kerana orang perempuan menggunakan-nya untok keperluan masak-memasak.

Satu draipada sebab2 mengapa paip itu penoh sesak sa-tiap hari ia-lah keengganan kerajaan membenarkan orang kampung memasokkan ayer ka-rumah mereka.



Kerajaan hanya membenarkan orang ramai menggunakan tujuh batang paip yang di-khaskan untok kegunaan tujuh ribu orang. Akibatnya paip2 ini selalu sahaja rosak kerana di-gunakan tidak berhenti2.

Telah beberapa kali orang ramai merayu supaya mereka di-benarkan memasokkan paip ka-dalam rumah tetapi jawapan yang mereka terima ia-lah bekalan ayer belum menchukopi.



Pejabat Bekalan Ayer Ulu Langat juga berjanji akan membenarkan orang kampung memasokkan ayer ka-rumah mereka bila kolam ayer di-Batu II Cheras, siap.

Tetapi kolam itu telah pun siap pada tahun 1967. Hingga sekarang penduduk2 kampung Sungai Ramal Dalam belum lagi mendapat kebenaran dari pejabat yang berkenaan

Kami harap Kementarian yang berkenaan



d a p a t membenarkan
orang kampong mema-
sokkan ayer kerana
bekalan ayer di-daerah
Ulu Langat ini telah
lebih dari menchukopi.

Related Articles



No related article found.

National Library Board

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29